

# Sasar setengah bilion kereta Hot Wheels dikeluarkan setahun

Harian Metro 13/12/2022 (Page 25)

**Bukit Mertajam:** Mattel Inc yang disenaraikan di Nasdaq menyasarkan unit tempatannya, Mattel Malaysia Sdn Bhd (MMSB) mengeluarkan lebih setengah bilion kereta mainan Hot Wheels setahun menjelang 2025, peningkatan pengeluaran sebanyak 20 peratus berikutan langkah pengembangannya yang dijangka selesai pada Januari tahun depan.

Naib presiden kanan bagi pembuatan global dan operasi Asianya, Soo Teck Heng berkata, MMSB kini mengendalikan kilang pembuatan Hot Wheels terbesar di dunia dan satu-satunya pengeluar kereta tunggal Hot Wheels di dunia, kereta mainan paling laris di dunia pada 2021.

“Pada masa ini, kilang ini mempunyai purata kapasiti pengeluaran kira-kira sembilan juta kereta seminggu

atau kira-kira 449 juta kereta setahun, dan peningkatan pengeluaran sebanyak 20 peratus itu akan menghasilkan lebih setengah bilion kereta.

“Kami memilih Malaysia kerana ia memiliki tahap automasi dan inovasi, ditambah pula dengan tenaga kerja yang berbakat,” katanya kepada pemberita pada sambutan ulang tahun ke-40 Mattel di sini, baru-baru ini.

Soo berkata, Malaysia memainkan peranan penting dalam rantai bekalan Mattel bagi operasi pembuatan, peralatan dan operasi komersial.

Pada masa ini, MMSB memiliki hampir 3,900 pekerja dan pengembangan kilangnya dianggarkan meningkatkan jumlah tenaga kerja sebanyak kira-kira 10 peratus kepada hampir 4,300 pekerja.